

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAACOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH  
MERANGKAP  
MENTERI MENTOR JELAJAH PENDIDIKAN BUMIPUTERA 2016**

**SEMPENA**

**PELANCARAN JPB 2017**

**PADANG MAJLIS DAERAH BERA, PAHANG.**

**11 MAC 2017 (SABTU)  
WAKTU KETIBAAN : 11.00 PAGI**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak  
Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Dr. Adnan bin Haji Yaakob  
Menteri Besar Pahang Darul Makmur

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi  
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Sahol Hamid Abu Bakar  
Pengerusi Jawatankuasa Induk Jelajah Pendidikan Bumiputera  
YBhg. Tuan Haji Muhammad Ammir Bin Haron  
Setiausaha Sulit Kanan YAB Perdana Menteri Merangkap Timbalan Pengerusi  
Majlis

Penasihat Jelajah Pendidikan Bumiputera

YBhg. Dr. Ahmad Masrizal Bin Muhammad  
Setiausaha Politik Kepada YAB Timbalan Perdana Menteri

YBhg Prof. Dato' Dr. Mazliham Mohd Su'ud  
Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Kuala Lumpur merangkap Ahli Majlis

Penasihat Jelajah Pendidikan Bumiputera

YBhg. Dato' Zahida Zarik Khan  
Naib Ketua Puteri UMNO Malaysia  
Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang

Ahli-ahli Parlimen dan ADUN Negeri Pahang

Naib-Naib Canselor Universiti Awam seluruh Malaysia

Rakan-Rakan Strategik Jelajah Pendidikan Bumiputera

Sekretariat Jelajah Pendidikan Bumiputera

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama mengucapkan rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berhimpun di Majlis Pelancaran Jelajah Pendidikan Bumiputera (JPB) 2017 yang akan dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Sesungguhnya, saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri dan seterusnya menyempurnakan majlis ini pada hari ini. Juga kepada semua dif-dif jemputan terutama Yang Amat Berhormat, Dato' Sri Diraja Dr. Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang Darul Makmur yang sudi untuk bersama-sama kita pada hari ini. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pada hadirin yang turut sama memeriahkan majlis pada hari ini.

2. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Induk Jelajah Pendidikan Bumiputera, Seketeriat JPB, barisan Rakan Strategik dan Universiti Awam JPB di atas sokongan dan kerjasama yang erat terhadap program JPB tahun ini. Anda adalah tulang belakang Jelajah Pendidikan Bumiputera.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

### **MENTERI MENTOR DAN KEJAYAAN JPB 2016**

3. Program Jelajah Pendidikan Bumiputera ini merupakan inisiatif dan projek khas YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak dalam menyediakan peluang kedua kepada golongan Melayu Bumiputera yang miskin dan kurang berkemampuan serta kurang bernasib baik untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi dan institut kemahiran di seluruh negara.

4. Saya telah terlibat sejak awal perancangan dalam program ini di mana saya telah diberi tanggungjawab oleh YAB Perdana Menteri untuk memikul amanah sebagai Menteri Mentor Jelajah Pendidikan Bumiputera dalam memastikan program jelajah ini dapat dilangsungkan dengan jayanya. Alhamdulillah impak positif telah diterima kesan dari kejayaan JPB 2016 yang lalu.

5. Banyak peluang dan ruang telah dibuka dan diberikan kepada golongan sasaran ini. Suka saya menarik perhatian, lebih daripada 37,000 golongan Melayu Bumiputera berjaya diselamatkan dan diberi peluang kedua melalui JPB 2016. Ini membuktikan bahawa program ini telah memberi peluang yang besar kepada

lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) untuk mengubah kehidupan dengan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

6. JPB 2016 telah memperlihatkan kerjasama yang erat berjaya diwujudkan dari pelbagai institusi pengajian tinggi iaitu dengan penglibatan sebanyak 11 buah Rakan Strategik Pendidikan Tinggi dan Kemahiran Tinggi dari seluruh negara yang terdiri daripada UiTM, UniKL, Politeknik, KPTM, NATC, GIATMARA, Kolej Komuniti, IKM, KKTM, IKBN dan UCAM. Kesemua Rakan Strategik ini telah sama-sama menjelajah bersama Konvoi JPB 2016 ke 55 Parlimen Tumpuan di seluruh negara termasuk negeri Sabah.

### **KEKUATAN DAN KERJASAMA**

7. Tahun ini, sejarah baru bakal tercipta apabila JPB 2017 melibatkan sebanyak 13 Rakan Strategik, 18 Universiti Awam, serta 100 orang Sekretariat Jelajah yang akan menjelajah ke seluruh negara. Bantuan sukarelawan dari Universiti Awam dan pemimpin masyarakat tempatan di setiap kawasan/parlimen yang dijelajah juga dijangka akan memberikan impak yang besar dalam JPB 2017 ini. Sebuah bas, 3 buah van, dan 4 buah pacuan empat roda daripada Sekretariat jelajah akan digerakkan dalam siri jelajah ini tidak termasuk daripada Rakan Strategik dan Universiti Awam.

### **GERAK KERJA JPB 2017 DI PARLIMEN**

8. Alhamdulillah, kerjasama baru ini secara tidak langsung telah membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk golongan Melayu Bumiputera dari seluruh negara melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Siri jelajah JPB 2017 bakal meneroka dan mendekati golongan sasaran di 53 Parlimen Tumpuan di seluruh negara termasuk Sabah serta Sarawak dan akan bermula di kawasan Parlimen BERA, Pahang pada hari ini.

9. JPB 2017 akan jelajah ke kawasan Bandar dan Luar Bandar termasuk kawasan Orang Asli bagi memberi peluang kepada semua untuk mengubah nasib dan masa depan. Gerak kerja ini melibatkan kerjasama UMNO Bahagian, Universiti Awam, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan JKJK/JKJKP tempatan dalam mengenal pasti golongan sasaran B40 serta pelajar kurang berkemampuan.

10. Salah satu fokus JPB ini juga adalah untuk berperanan menjelaskan bukan sahaja kepada pelajar yang terlepas peluang memasuki universiti bahawa mereka masih ada harapan, tetapi juga terarah kepada ibu bapa yang masih tebal dengan stigma bahawa maruah dan martabat mereka tercalar jika anak tidak dapat memasuki universiti.

11. Sikap ibu bapa sebegini agak bermegah dengan harapan kosong sedangkan hakikatnya mereka sebenarnya tidak arif dengan keperluan dan kehendak semasa yang mengharap lebih ramai tenaga mahir dilahirkan untuk membangunkan negara ini.

12. Dalam kalangan lepasan universiti, kira-kira 60 peratus biasanya memperoleh kerja. Tetapi lepasan jurusan berasaskan kemahiran dipercayai lebih mudah lagi untuk mendapat peluang pekerjaan. Statistik menunjukkan, sebanyak 98 peratus berjaya meraih peluang sedemikian. Gaji mereka yang bertunjangan kemahiran ini menyamai imbalan yang diperoleh rakan-rakan sepejuangan dari universiti, malah di banyak sektor, realitinya lebih lumayan lagi.

13. Di Jerman dan Jepun misalnya, mereka memberi keutamaan kepada tenaga mahir dan Malaysia hari

ini memang menuju ke fasa itu. Justeru, janganlah bimbang kerana di seluruh negara hari ini terdapat 110 kolej komuniti dan 27 politeknik yang boleh diisi. Berdasarkan data terbaharu, 98 peratus lulusan kolej komuniti mendapat kerja sebaik sahaja menamatkan

pengajian. Lulusan kemahiran ini mempunyai kebolehpasaran tinggi dan mampu meraih gaji lumayan.

14. Justeru, saya berharap semoga program JPB pada tahun ini akan mencapai objektifnya dan mampu memberikan impak positif kepada golongan sasaran. Semoga program JPB ini juga dapat membantu golongan Melayu Bumiputera yang miskin dan kurang berkemampuan serta kurang bernasib baik untuk melanjutkan pelajaran. Selain itu, diharap ianya juga dapat menyedarkan masyarakat di seluruh negara tentang pentingnya pendidikan demi mengubah nasib keluarga sekaligus mampu menjadi masyarakat yang berilmu.

15. Bagi mencapai semua hasrat ini, Universiti Awam, Rakan Strategik dan Sekretariat JPB serta pihak yang terlibat teruskan berganding bahu demi mendukung usaha murni YAB Perdana Menteri Malaysia dalam membantu masyarakat Melayu Bumiputera sekaligus memastikan kejayaan serta sejarah baru JPB 2017 bakal tercipta.

16. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia atas keprihatinan memastikan kejayaan program Jelajah Pendidikan Bumiputera 2017 ini. Juga setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh jawatankuasa serta rakan-rakan strategik JPB 2017 kerana Berjaya menganjurkan satu majlis yang begitu berfaedah kepada lepasan SPM dan STPM. Saya berharap semoga saudara-saudari mengambil peluang ini demi kelangsungan ilmu yang mampu mengubah destini masa depan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh